

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 42 RABU 18HB. OKTOBER, 1972. 1392 رابو 10 رمضان PERCHUMA

UNDANG2 YANG BERTUJUAN UNTOK MENINGGIKAN TARAF KEMAJUAN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan meluluskan Undang2 Peranchangan Bandar dan Negeri Brunei Yang Pertama.

Ini ada-lah berikutan dengan pembentukan Jabatan Peranchangan Bandar dan Negeri dalam awal tahun ini. Undang2 baru itu ada-lah di-kenali sa-bagai Perintah Rancangan Bandar dan Negeri (Kawalan Kemajuan), 1972.

Pegawai Peranchang Bandar dan Negara dalam satu siaran-nya kelamari menyatakan bahawa tujuan utama undang2 itu ia-lah untuk memperbaiki darjah pembangunan Brunei dan menjadikan-nya sa-buah

negara yang chukop maju dan chan-tek.

Ia-nya juga ada-lah untuk menjadikan Brunei sa-bagai sa-buah tempat yang alam keliling-nya nyaman dan rehat bagi raayat Brunei hidup dan bekerja di-dalam-nya di-samping menjadikan Brunei sa-bagai sa-buah negara yang pelawat2 dari luar negeri ingin melawat-nya berulang2 kali.

Siaran itu menyatakan bahawa Undang2 Peranchangan Bandar dan Negeri itu ada-lah merupakan salah satu langkah penting yang di-ambil oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi kepentingan Brunei dan raayat-nya.

Undang2 baru itu akan memberikan kuasa kepada



Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Pengiran Haji Damit menyampaikan piala kurnia D.Y.M.M. kepada Ag. Anthony Chin.

Ketetapan bayaran Zakat Fitrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Negeri Brunei telah menetapkan bayaran Zakat Fitrah bagi tiap2 sa-orang umat Islam di-negeri ini bagi tahun Hijrah 1392.

Menurut siaran khas dari Pejabat Majlis Ugama Islam bahawa Zakat Fitrah bagi sa-orang umat Islam di-Daerah Brunei ia-lah \$1.12½ sen; Daerah2 Muara dan Tutong ia-lah \$1.15½ sen dan Daerah2 Belait dan Temburong ia-lah \$1.18½ sen.

Kadar Zakat Fitrah itu ada-lah menurut nilai harga beras bagi 3 kati 12 tahlil ia-itu kadar timbangan beras yang wajib di-fitrahkan.

Oleh kerana harga beras yang di-makan di-negeri ini di-tetapkan oleh kerajaan dengan harga \$1.80 sa-gantang di-Daerah Brunei; \$1.85 di-Daerah2 Muara dan Tutong dan \$1.90 di-Daerah2 Belait dan Temburong, maka nilai harga beras bagi 3 kati 12 tahlil di-Daerah Brunei ia-lah \$1.12½; Muara dan Tutong

\$1.15½ dan Belait dan Temburong \$1.18½.

Kenyataan itu menyatakan Zakat Fitrah itu boleh di-kuarkan dari awal bulan Ramadhan tetapi tidak lewat dari masa sa-belum Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.

Zakat Fitrah hendak-lah di-bayar kepada Amil2 yang telah di-lantik oleh Majlis Ugama Islam bagi tahun ini.

(Nama2 Amil di-siarkan di-muka 6).

Lebeh \$37,000 di-perolehi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari \$37,000 telah di-perolehi daripada penjualan setem2 hari pertama bagi memperingati penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan.

Setem2 itu berharga 50 sen, 25 sen, 15 sen dan 10 sen telah di-jual di-semua pejabat2 pos di-seluruh negeri pada 4hb. Oktober yang lalu.

Sa-banyak 53,800 keping setem yang berharga 10 sen

Kerajaan Brunei untuk mengawal semua jenis kegunaan tanah dan kemajuan tanah dan kuasa mengenakan syarat2 sama masa memberikan kelulusan.

Undang2 baru ini khususnya akan membenarkan Kerajaan mengawal pemecahan tanah dan chara tanah itu akan di-gunakan kemudiannya; membenarkan kerajaan mengawal pembenaan bangunan dan lain2 beana, mengawal kebesaran, kedudukan dan bentuk-nya; memberikan kuasa untuk mengawal iklan2; dan juga memerlukan penajaan tanah dan kebun da-

(Lihat muka 8)

JADI JOHAN DUA TAHUN BERTURUT2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Anthony Chin telah berjaya mempertahankan kejohanan-nya dalam perlawanan kejohanan chator seluruh negeri sa-telah beliau mengalahkan Pengiran Jaluddin bin Pengiran Haji Mohammad dalam perlawanan akhir yang telah di-adakan di-Pusat Belia baru2 in.

Dalam perlawanan yang di-anjorkan oleh Persatuan Chator Negeri Brunei itu, Pengiran Jaluddin telah mendapat tempat kedua dan pemenang ketiga ia-lah Awangku Sharifuddin bin Pengiran Momin.

Awang Anthony Chin yang berjaya menjadi johan kebangsaan terbuka pada tahun lalu, telah menerima piala yang di-kurniakan oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Awang Zainal bin Haji Mohammad telah berjaya menjadi johan bahagian junior dan menerima perisai rebutan

(Lihat muka 8)



Binatang2 tidak boleh di-bawa masuk tanpa lesen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Binatang2 tidak boleh di-bawa masuk ka-negeri ini tanpa mempunyai lesen mengimpot yang boleh di-dapati dari kelinik haiwan, Jabatan Pertanian.

Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam berkata, tanpa lesen mengimpot, binatang2 itu mungkin akan tidak di-benarkan masuk atau dirampas dan di-bunuh.

Dalam perkara seperti itu, tindakan akan di-ambil terhadap orang2 yang mengimpot.

Peratoran mengimpot yang ketat, ada-lah perlu bagi mencegah merebak-nya penyakit2 seperti penyakit anjing gila, dari masuk ka-negeri ini.

Awang Subramaniam berkata, berhubung dengan anjing dan kucing, hanya yang datang dari Australia dan New Zealand sahaja boleh di-impot sa-chara langsung ka-negeri ini.

Di-negeri2, di-mana penyakit anjing gila berluasan, pengharman sepenoh-nya dikenakan ka-atas mengimpot anjing dan kucing.

Bagaimana-pun, di-negeri2, di-mana penyakit anjing gila itu ada terdapat, tetapi dapat di-kawal, pengimpotan binatang2 itu ka-Brunei di-benarkan hanya sa-telah di-kurantin sa-lama dua belas bulan di-Kota Kinabalu.

Pegawai Haiwan itu juga mengingatkan orang ramai bahawa sa-siapa yang ingin hendak mengexpot binatang hendak-lah terlebih dahulu mendapatkan sijil kesihatan expot dari kelinik itu.

Bayaran bagi sijil kesihatan expot ia-lah \$2.00 bagi tiap2 sa-ekor binatang.

SEMBILAN orang anggota Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menghadiri persidangan Pertubuhan Gabungan Guru2 Sa-Dunia Kawasan Asia kali yang kedua.

Persidangan itu telah diadakan di-Tokyo, Jepun dari 18hb. hingga 22hb. September yang lalu.

Perwakilan itu telah diketuai oleh Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Shahbuddin bin Saleh.

Ini ada-lah kali yang kedua PGGMB menghadiri persidangan yang sama. Persidangan yang pertama telah diadakan di-Bangkok dalam tahun 1964.

Gambar atas menunjukkan para perwakilan dan pemerhati ketika menghadiri pembukaan rasmi yang di-lakukan oleh Menteri Pelajaran Jepun, Dr. Osamu Inaba pada 17hb. September, manakala gambar kanan, Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Shahbuddin bin Salleh bergambar dengan Dr. Ryokichi Minobe, Governor of Tokyo (No.2 dari kiri) dan Pengerusi Persidangan WCOTP, Tuan Motofumi Manieda (di-kiri sekali) sa-masa adakan satu jamuan yang di-Tokyo Aoyama Kaikan.



Terima kaseh dari J/K Pertunjukkan Pertanian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa pertunjukkan pertanian bagi Daerah Brunei yang baru2 di-adakan di-Pusat Pertanian Kilanas telah menguchapkan terima kaseh kepada Sharikat Borneo Berhad kerana mendermakan beberapa jenis kimia kepada peserta2 yang mengambil bahagian dalam pertunjukkan tersebut.

Sa-orang juruchapak jawatankuasa itu menyatakan hari ini bahawa jenis2 kimia yang di-dermakan itu ia-lah jenis rahun rumput, serangga dan sa-bagai-nya.

Juruchapak itu menambah kata bahawa kimia2 yang di-dermakan itu di-anggarkan berjumlah \$117.52 sen.

Juruchapak itu juga berkata bahawa sharikat itu telah mendermakan jenis2 kimia yang sama di-anggarkan berjumlah \$200.00 dalam temasha Hari Peladang yang di-adakan dalam bulan April yang lalu.

Pejabat Pendaftaran Kebangsaan di-Bangar di-tutup

TEMBURONG. — Jabatan Pendaftaran Kebangsaan bagi Kad2 Pengenalan di-Daerah Temburong telah di-tutup mulai 16hb. Oktober yang lalu.

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menyatakan mulai dari hari itu pekerjaan mengeluarkan kad2 pengenalan tidak dapat di-jalankan seperti biasa, tetapi

pegawai2 dari Ibu Pejabat itu di-Bandar Seri Begawan akan melawat ka-Daerah Temburong pada tiap2 bulan untuk mengeluarkan kad2 pengenalan kepada penduduk2 di-daerah itu.

Tarikh kedatangan pegawai2 itu akan di-umumkan dari sa-masa ka-samasa untuk panduan kepada mereka yang berkendakkan-nya.

Peraduan bahath sekolah2 dalam bulan Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Kesenian sa-takat ini telah menerima sa-banyak 36 pasokan yang ingin menyertai peraduan bahath antara sekolah2 rendah dan menengah diseluruh negeri yang akan di-mulakan dalam bulan Nobember depan.

Sebelas buah pasokan dari sekolah2 rendah, 19 buah pasokan dari sekolah2 menengah rendah dan 6 buah pasokan dari sekolah2 atas akan menyertai peraduan itu.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran Bahagian Kesenian berkata banyak lagi sekolah2 termasuk sekolah2 mi-

si, China dan Arab di-jangka mengambil bahagian dalam peraduan bahath itu.

Ia-nya di-adakan dengan tujuan bagi melatich penuntut2 chekap berfikir di-samping memupok perasaan saling mengerti dan muhibbah di-kalangan semua penuntut2 di-negeri ini.

SEKARANG kita umat Islam sedang menjalani ibadat puasa. Sa-bagai-mana yang kita sama2 maklum ibadat puasa ada mempunyai hikmat2 dan tujuan2 yang luas bukan hanya bagi maksud untuk mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu-wataala bahkan juga termasuklah untuk perbaikian2 kesihatan, akhlak dan kemasyarakatan.

Di-antara faedah2 puasa dari segi kesihatan ia-lah:

1. Mengurangkan lemak yang tidak berguna lagi menyusahkan yang sudah berkumpul di-dalam tubuh kita sa-lama sa-belas bulan yang lalu.
2. Menghapuskan kebiasaan burok terutama dalam perkara makan dan minum, merokok dan sa-bagai-nya.
3. Melemahkan nafsu shahwat yang sententiasa bergelora dan berusaha menarek manusia ka-araf jalan yang tidak baik terutama kepada anak2 muda yang sedang di-alam pancha-roba.
4. Menambahkan kesihatan kerana dengan puasa itu banyak penyakit yang boleh di-sembohkan yang sa-lama ini tidak dapat di-sembohkan dengan segala rupa ubatan.

Pada mula-nya memang banyak orang menyangka bahawa dengan berpuasa itu akan merosakan kesihatan tubuh kita.

Pepereksaan kelas dewasa U gama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal, Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan pepereksaan u gama dan membacha Al-Quran seluruh negeri dalam bulan Nobember dan Disember akan datang.

Pepereksaan pelajaran u gama dewasa bahagian rendah akan di-adakan pada 1hb. Disember.

Pepereksaan Menengah dan Tertinggi akan di-adakan pada 22hb. Disember dan pepereksaan membacha Al-Quran akan di-adakan pada 24hb. Nobember.

Sa-banyak 69 buah pusat pepereksaan akan di-adakan di-Daerah Brunei/Muara, 17 di-Daerah Belait, 13 di-Daerah Tutong dan 5 di-Daerah Temburong.

KURSUS BAKAL2 HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus bagi bakal2 Haji yang akan pergi ka-Mekah untuk menunaikan fardhu Haji dalam tahun 1972/1973 akan berakhir pada penghujung bulan ini.

Sa-ramai 371 orang bakal Haji termasuk 48 orang yang akan pergi dengan kapal laut sedang mengikuti kursus tersebut.

Borang2 memasokki pepereksaan itu boleh-lah di-dapati dari Guru2 Kelas Dewasa U gama atau di-Jabatan Hal Ehwal U gama, Bahagian Pelajaran Dewasa dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan tidak lambat daripada 15hb. Nobember.

Majalah Belia 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Kebajikan akan menerbitkan Majalah Belia bilangan 5 untuk tahun 1972.

Majalah tersebut di-isikan dengan laporan mengenai kegiatan2 persatuan2 belia dan kebajikan di-seluruh negeri.

Semua Setiausaha Agong Persatuan2 Belia dan kebajikan telah di-arahkan supaya menghantarkan laporan2 persatuan masing2 bagi tahun 1972 dan gambar2 yang menunjukkan kegiatan persatuan mereka, dan ia-nya hendak-lah di-hantarkan kepada Pejabat Kebajikan tidak lewat pada 21hb. Januari tahun depan.

Kursus bagi bakal2 Haji di-Daerah Brunei dan Muara bermula pada 8hb. September yang lalu dan di-adakan pada tiap2 hari Jumaat dari pukul 8.00 hingga 10.30 pagi.

Kursus bagi bakal2 haji di-daerah2 yang lain di-mulakan pada 9hb. September dan di-adakan pada tiap2 hari Sabtu sa-lama dua jam dari pukul 8.30 pagi.

● **Puasa ia-lah ubat yang paling mujrab bagi penyakit kenching manis**



KHUTBAH JUMA'AT

PUASA DARI SEGI KESIHATAN TUBOH BADAN

Tetapi sa-sudah di-adakan penyiasatan yang teliti oleh pakar2 ilmu perubatan ternyata-lah sudah sekarang bahawa dengan berpuasa akan memberikan kesihatan yang sa-chukop-nya kapada pergerakan perut kita. Dengan berpuasa juga akan menolong memecahkan lemak2 yang berlebihan di-dalam anggota tubuh badan kita dan ubat yang paling mujrab bagi penyakit kenching manis yang amat merbahaya itu.

Rassulullah s.a.w. telah menerangkan kapada umat-nya bahawa berpuasa ada-lah amat berfaedah bagi kesihatan manusia. Sabda baginda yang bermaksud: "*Berpuasa-lah kamu neschaya sehat-lah badan kamu*".

Nepoleon pernah berkata: "*Ubat-ku tiada lain daripada berpuasa*".

Dari sudut akhlak puasa itu ada-lah merupakan pendidekan untuk menjadi orang yang berbakti dan taat kapada Allah dengan mengerjakan segala perintah2-nya dan menjauhi segala larangan2-nya.

Rassulullah s.a.w. telah bersabda: "*Puasa itu ada-lah merupakan perisai*". Ini berarti bahawa puasa itu merupakan pendinding dan penahan bagi sa-seorang daripada melakukan sa-barang maksiat atau kejahatan. Kerana yang dikehendaki dengan puasa itu bukan-lah hanya sa-takat menahan diri dari makan dan minum atau merokok dan sa-bagai-nya, tetapi juga dari semua perkara yang di-tegah oleh Allah dan Rasul-nya sa-bagaimana sabda Rassulullah s.a.w. yang bermaksud:

"*Barang siapa yang tiada meninggalkan perkataan yang sia2 dan amal yang sia2, maka tidak-lah ada faedah-nya bagi Allah orang yang meninggalkan makan dan minum-nya (berpuasa) itu, kerana tidak sanggup menjaga hikmat2 dan tujuan2 berpuasa itu*".

Dari sudut kemasyarakatan pula puasa boleh menimbulkan sifat2 kemanusiaan bagi faedah2 menjamin keamanan,

● **Dengan berpuasa akan memberikan kesihatan yang sa-chukop-nya kapada pergerakan**

perut dan memecahkan lemak2 yang berlebihan

keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan masharakat. Betapa tidak kerana puasa boleh memperhaluskan budi pekerti manusia dan menghidupkan dalam jiwa-nya perasaan insaf dan kaseh sayang terhadap saudara-nya yang kerap-kali menempoh penderitaan dan kesangsaraan hidup.

Puasa boleh menimbulkan kebiasaan supaya bersifat pemurah dan mengambil berat terhadap orang2 fakir dan miskin yang sententiasa berhempas pulas menchari rezeki, tetapi tidak juga berdaya mengatasi kemiskinan dan kesusahan-nya. Dengan demikian akan timbul keinsafan mahu menolong mereka dengan chara bersedekah, mengeluarkan zakat dan sa-bagai-nya kapada mereka. Dengan demikian akan terjalin-lah perasaan muhibbah dan rasa kaseh sayang di-antara anggota2 masharakat yang boleh menjauhkan persaan permusohan dan tindakan2 liar dan jahat.

Oleh yang demikian mari-lah kita teruskan mengerjakan ibadat puasa sa-panjang bulan Ramadhan ini, mudah2an kita akan termasuk menjadi orang2 yang taqwa dan insaf akan kedudukan saudara2 kita sa-sama Islam yang kurang bernasib baik dalam kehidupan mereka.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18hb. Oktober, 1972 hingga ka-hari Selasa 24hb. Oktober, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
18hb. Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
19hb. Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
20hb. Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
21hb. Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
22hb. Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
23hb. Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
24hb. Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(18hb. Oktober, 1972).

MENINGGIKAN KEMAJUAN BRUNEI

KERAJAAN Brunei telah melaksanakan satu lagi usaha bagi meninggikan taraf kemajuan Negeri Brunei berikutan dengan terbentuknya sa-buah Jabatan Perancangan Bandar dan Negeri dalam awal tahun ini. Berikutan dengan itu juga, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan meluluskan satu undang2 baru yang di-kenali sa-bagai perentah Rancangan Bandar dan Negeri Brunei (Kawalan Kemajuan) 1972 bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan gerakan2 dengan chara2 yang ditentukan dan di-yakini menda-tangkan kesan yang memuaskan.

Dengan ujud-nya undang2 itu juga ada-lah merupakan salah satu daripada beberapa langkah penting yang di-am-bil oleh D.Y.M.M. bagi faedah Brunei dan rakyat Baginda atau penduduk negeri ini.

Tujuan utama undang2 itu ia-lah memperbaiki darjah pembangunan Brunei dalam berbagai2 bidang yang akan menjadikan negeri ini sa-bagai sa-buah negara yang maju dan chantek. Di-samping itu, ada-lah juga menjadi tujuan supaya negeri ini mempunyai suasana alam keliling yang nyaman dan rebat bagi rakyat Brunei hidup dan bekerja di-dalam-nya serta menjadikan-nya sa-buah negara yang menarik pelancong2 untuk melawat ka-negeri ini berulang2 kali.


Undang2 itu juga telah mengenakan kawalan2 kemajuan tanah dan kawalan2 pembinaan bangunan. Dalam pada itu terdapat juga hak bagi orang2 yang tidak puas hati terhadap langkah2 yang akan di-jalankan dan mereka ini boleh-lah menghantar rayuan kepada Menteri Besar.

Sa-lain dari kawalan kemajuan tanah itu, undang2 baru itu juga mengadakan persediaan bagi Skim dan Peratoran Rancangan Kemajuan bagi kawasan2 yang di-pilih di-negeri ini dengan tujuan menca-pai kemajuan yang memuaskan dalam berbagai2 bidang.

Penggunaan tanah yang ada sekarang ini ada-lah kurang memuaskan, bahkan sa-bahagian dari k a w a s a n 2 tanah itu telah terbiar tanpa mengeluarkan sa-barang hasil baik kepada pemilek-nya dan jauh sekali kepada negara. Tetapi dengan undang2 itu beberapa kemajuan akan dapat kita lihat nanti, khas-nya bilamana di-buka skim itu nanti.

Harus-lah di-fahamkan bahawa undang2 itu tidak-lah bertujuan untuk memberikan kepayahan2 kepada rakyat yang berkenaan, bahkan mereka harus-lah menyedari bahawa ia-nya semata2 di-buat ada-lah untuk menyempurnakan pada yang kelihatan-nya tidak sempurna sa-lama ini.

Dalam hal ini, maka ada-lah di-perlukan kerjasama dari penduduk negeri ini supaya kehendak2 yang mulia itu akan dapat berjalan dengan lichen dan terator.



REKRUT Awang Ismail bin Mohammad telah di-pilih sa-bagai rekrut yang terbaik dalam pengambilan yang ke-26. Disamping itu beliau juga telah di-pilih sa-bagai penembak dan latehan jasmani yang terbaik sama-

sa menjalani latehan itu. Gambar di-atas Awang Ismail kelihatan menerima piala dari Pemerintah Pasokan Ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles, Lt. Col. J.N. Kelly dalam satu upacara tamat latehan yang telah di-adakan baru2 ini.

Perbincangan pemimpin2 belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis perbincangan pemimpin2 Belia kali yang kedua akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada 1hb. Disember, 1972.

Surat keliling Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara berhubung dengan majlis tersebut telah pun di-kirim kepada persatuan2 belia dan kebajikan di-seluruh negeri.

Sa-orang juruchakap Jabatan itu menerangkan bahawa

persatuan2 yang belum lagi menerima surat keliling itu ada-lah di-kehendaki berhubung dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bandar Seri Begawan dengan sa-beberapa segera.

Juruchakap itu menyatakan, tiap2 persatuan ada-lah di-kehendaki menghantar Yang Di-Pertua dan Setia Usaha-nya atau wakil untuk menyertai majlis itu.

Nama2 peserta yang akan menyertai majlis tersebut hendak-lah di-hantar ka-Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 15hb. Nobember.

Lawatan ka-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan kira2 saramai 80 orang ahli Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan mengadakan lawatan muhibbah ka-Singapura akhir bulan Disember hadapan.

Sa-orang juruchakap bagi persekutuan itu berkata, rombongan PGGMB itu akan menjadi tetamu kepada Kesatuan Guru2 Melayu Singapura dan akan berada di-republik itu selama lapan hari.

Sa-panjang lawatan itu, ahli2 PGGMB juga akan mengadakan perlawanan2 persahabatan bola sepak, bola jaring, ping-pong, badminton, sepak takraw dan hoki bahagian lelaki dan perempuan.

Pepereksaan bahasa Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan pepereksaan bahasa Jepun dan China dalam bulan Disember tahun ini.

Pepereksaan bahasa Jepun akan di-adakan pada 11hb. dan 12hb. Disember dan pepereksaan bahasa China pada 12hb.

dan 13hb. Disember.

Perkara2 dalam kedua2 pepereksaan tersebut ia-lah membacha, ujian lisan, renchana dan menulis.

Pepereksaan itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pular Ulak, Bandar Seri Begawan.

KENDERAAN UNTUK BAKAL2 REKRUT

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menyediakan kenderaan bagi rekrut2 baru yang akan mendaftarkan diri ka-kompani rekrut Perkemahan Bolkiah di-Jalan Berakas pada 23hb. Oktober ini.

Bagi bakal2 rekrut yang tinggal di-sepanjang Jalan Tutong akan di-sediakan dengan kenderaan, sementara motosangkut akan membawa mereka yang dari Daerah Temburong.

Sa-buah kereta land-rover akan berlepas dari Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait pada pukul 9.00 pagi 23hb. Oktober dan menuju ka-Perkemahan Bolkiah melalui Pejabat Daerah Seria pada pukul 9.45 pagi dan Balai Raya, Sungai Liang pada pukul 10.15 pagi itu.

Sa-buah kereta land-rover akan berlepas dari Pekan Tutong pada pukul 9.30 pagi dan sa-buah lagi kenderaan akan berlepas dari Kampong Lamuning pada pukul 9.00 pagi.

Sa-buah kereta land-rover akan berada di-Balai Pulis Muara pada pukul 8.00 pagi.

Sa-buah bas akan di-sediakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Seri Begawan pada pukul 9.00 pagi, sementara sa-buah motosangkut akan di-sediakan di-Pekan Bangar pada pukul 8.00 pagi hari itu.

Rekrut2 baru yang memerlukan kenderaan ka-Perkemahan Bolkiah itu hendak-lah menunggu di-tempat dan waktu yang di-tetapkan.



SATU rombongan sa-ramai sembilang orang ahli2 Kesatuan Kerani dan Peon Kerajaan Brunei telah berjaya mendaki Gunung Kinabalu, di-Sabah baru2 ini.

Rombongan tersebut telah diketuai oleh Pengiran Jambol bin Pengiran Sulaiman.

Gambar atas menunjukkan mereka sedang berada di-atas kemuncak gunung yang tertinggi di-Asia Tenggara itu.



Ahli2 J/K baru Kesatuan Kerani2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Sablee bin Haji Metussin telah di-pilih menjadi Yang Di-Pertuan Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Kerajaan Brunei untuk memimpin kesatuan itu bagi tahun 1972/73.

Dalam meshuarat agongnya yang telah di-adakan baru2 ini, Awang Abu Bakar bin Haji Ishak telah di-pilih menjadi **Naib-Yang Di-Pertua** dan Penegerusi Tetap ialah Awang Puteh bin Jukin.

Setia Usaha Agong, Awang Abdul Wahab bin Haji Latif, manakala naib Setia Usaha Agong ialah Pengiran Jam-bol bin Pengiran Haji Sulaiman.

Awang Andrew Lai Eng Soon di-pilih menjadi **Bendahari Agong** dan Awang Abd. Kadir bin Sheikh Yahya sebagai **Naib Bendahari Agong**.

Meshuarat itu juga telah memilih 10 orang ahli2 jawatankuasa.

Mereka ia-lah Awang Abdul Rahman bin P.D.G. Haji Abu Bakar, Dk. Rani bte Pengiran Hashim, Dayang bte Haji Othman, Awang Mahmud bin P.D.G. Haji Abu Bakar, Awang Ismail bin Haji Ahmad 'A', Awang Salleh bin Hitam, Awang Ismail bin Haji Ahmad 'B', Awang Rabaha bin Ampuan Salleh, Awang Mohiddin bin Haji Daud dan Pengiran Aji bin Pengiran Mohammad.

Dua pegawai AMDB berkursus di-K.L

BERAKAS. — Dua orang pegawai Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada minggu lalu untuk mengikuti satu kursus asas memandu pesawat helikopter yang di-kendalikan oleh Helikopter Asia Tenggara Berhad.

Kedua2 orang pegawai itu,

BAKAL2 haji di-seluruh negeri sekarang ini sedang menjalani kursus haji sa-bagai persediaan untuk mereka menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Kursus tersebut

di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari bakal2 haji itu ketika mengikuti kursus tersebut.

SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin akan merasmikan sambutan Nuzul Al-Qur'an pada hari Selasa malam Rabu 24hb. Oktober, 1972 bersamaan dengan 16hb. Ramadhan 1392 bertempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan mulai jam 8.15 malam.

Sambutan tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan.

Berbagai2 acara akan dipersembahkan pada malam itu, antara-nya ia-lah persembahan2 bacaan ayat2 suci Al-Qur'an oleh lima orang qari yang terdiri dari Guru2 dan Pegawai2 Ugama yang baru2 ini telah menamatkan kursus membaca kitab suci Al-Qur'an di-Kelantan.

Selain itu majlis juga akan di-sulami dengan persembahan qasidah, nashid dan tafsir Al-Qur'an oleh Ustaz Haji Abdul Hamid Bakal, Timbalan Kadzi Besar, Brunei.

Sementara itu, di-daerah2 Tutong, Belait dan Temburong juga di-jadualkan akan menyambut Nuzul Al-Qur'an ini dengan acara2 yang berasingan.

Orang ramai ada-lah di-perilakan hadir untuk menyaksikan majlis tersebut.

Leftenan Othman bin Hasbollah dan Leftenan Ibrahim bin Mohammad akan mengikuti kursus tersebut sa-lama enam bulan.

Pada masa ini, pasokan itu mempunyai enam orang pemandu helikopter yang terdiri dari anak2 tempatan.

Perlumbaan kereta dan motosikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Automobile Brunei akan menganjorkan beberapa perlumbaan kereta dan motosikal pada hujung bulan Oktober dan dalam bulan November depan.

Pada 29hb Oktober, 1972 ini ia-itu hari Ahad mulai pukul 2.00 petang, perlumbaan beberapa jenis kereta akan di-adakan di-Pantai Muara.

Sa-orang juruchakap kelab itu menyatakan bahawa dua acara perlumbaan lagi akan di-adakan dalam bulan November ini.

Pada 19hb. Nobember, bertempat di-Pantai Kuala Belait berdekatan dengan bangunan Rest House lama, perlumbaan motosikal akan di-adakan, sementara pada 26hb. Nobember, 1972, perlumbaan kereta akan di-adakan di-Pantai Tutong.

Juruchakap itu meminta kepada pemandu2 kereta dan motosikal di-negeri ini yang ingin hendak menyertai perlumbaan itu supaya mendaftarkan nama mereka dengan segera kepada pihak Kelab tersebut atau terus kepada Setia Usaha-nya, Awang Shamsuddin Idris di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bahagian Menchegegah Malaria di-Jalan Berakas.

Perubahan hari kelepasan awam

A DA-LAH di-ma'alomkan untuk ma'aloman umum bahawa Hari Kelepasan Awam bagi memperingati Nuzul Al-Quran akan jatuh pada hari Rabu, 25hb. Oktober, 1972 untuk menggantikan hari Selasa 24hb. Oktober, 1972.



MAJLIS Agama Islam Brunei dengan perkenan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, telah melantek nama2 saprtei berikut menjadi Amil bagi memungut Zakat Fitrah bagi tahun ini.

KAWASAN PENDALAMAN DAN BANDAR BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA

Imam Mesjid Setia Ali, Pekan Muara bagi **tanjong Peumpang**, Pekan Muara, Mesjid Lama, Sabun, Serasa dan **Kapok** (di-Mesjid Setia Ali); Imam Mesjid Salar bagi **Salar dan Tanah Jambu** (di-Mesjid Salar); Imam Mesjid Batu Marang, (di-Mesjid Batu Marang); Che'gu Pg. Yusof bin Pengiran Marang; Che'gu Pg. Yusof bin Sabu (Guru Uga) bagi **Kampung Mentiri** (di-rumah Ketua Kampung); Imam Mesjid Sungai Besar bagi **Sungai Besar** (di-Mesjid Sungai Besar); Imam Mesjid Sungai Hanching bagi **Kampung Sungai Hanching**, **Kampung Salambigar** dan **Kampung Sungai Tilong** (di-Mesjid Sungai Hanching); Haji Abd. Rahman bin Mansor (Ketua Kampung) bagi **Kampung Mangis**, **Kampung Sungai Akar** dan **Kampung Madang** (di-rumah Amil); Awang Haji Juna bin Kahar (Ketua Kampung) bagi **Perpindahan Terunjing dan Lambak** (di-rumah Amil); Che'gu Abd. Rahman Yunus (Guru Uga) bagi **Serusop dan Khemah Tahanan Berakas** (di-rumah Amil); Imam Mesjid Sufri Bolkiah bagi **Kampung Jaya Bakti**, **Kampung Jaya Setia**, **Kampung Burong Pinggai** dan **Bolkiah Camp** dan sekitar-nya (di-Mesjid Sufri Bolkiah).

Pengiran Hj. Buntar bin Pg. Sulaiman (Ketua Kampung) bagi **Kampung Deima Satu** (di-rumah Amil); Pg. Rosman bin Pg. Hj. Tengah (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Kampung Pancha Deima** (di-rumah Amil); Ak. Yahya bin Pg. Hashim (Ketua Kampung) bagi **Kampung Anggerek Desa** (di-rumah Amil) Awg. Mohammad bin Jamudin (Ketua Kampung) bagi **Kg. Orang Kaya Besar** dan **Kampung Pulaie** (di-rumah Amil); Awg. Abd. Kadir bin Abd. Rahman (Mandor) bagi **Gadong Estate dan Rimba** (di-rumah Amil dan Rumah Ketua Kg. Rimba); Awg. Apong Haji Nawang (Kaki Tangan P. Daerah) bagi **Tungku dan Katok** (di-rumah Amil); Awg. Mohammad bin Mail (Ketua Kampung) bagi **Mata-Mata** (di-rumah Amil); Pg. Hj. Md. Daud bin Pg. Hj. Abd. Rahman (Kaki Tangan Pejabat Ukor) bagi **Ibu Pejabat Polis Diraja, Berek Letrek dan Pengkalan Gadong** (di-rumah Amil dan Ibu Pejabat Polis (Gadong); Awg. Hj. Sabtu bin Ahmad (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Kiarong dan Beribi** (di-rumah Amil); Imam Mesjid Pulau Baru-Baru bagi **Kampung Pulau Baru-Baru** (di-Mesjid Pulau Baru-Baru); Imam Mesjid Pulau Beribunot bagi **Kg. Pulau Beribunot** (di-Mesjid Pulau Beribunot); Imam Mesjid Puduk bagi **Kampung Puduk dan Kampung Tanjong Kindana** (di-Mesjid Puduk).

Mudim Haji Metussin bin Sagar (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Kampung Serdang, Sungai Matan dan Kampung Dato' Gandi** (di-rumah Ketua Kampung); Awang Haji Tengah bin Hashim (Ketua Kampung) bagi **Kampung Pelambayan, Kampung Kota Batu, Kampung Pintu Malim dan Kampung Sungai Lampai** (di-rumah Amil); Awang Haji Kamis bin Tangkim (Ketua Kampung) bagi **Kampung Subok dan Kampung Belimbing** (di-rumah Amil); Awg.

TEMPAT2 PEMBAYARAN FITRAH BAGI TAHUN INI

Ja'afar bin Kassim (Ketua Kampung) bagi **Kg. Menunggol dan Kampung Riong** (di-rumah Amil); Imam Mesjid Kasat bagi **Kg. Kasat, Kampung Putat, Kampung Buang Sakar dan Baoung** (di-Mesjid Kasat); Imam Mesjid Lumapas bagi **Lupak Luas, Buang Takurok, Panchor, Kilugus dan Lumapas** (di-Mesjid Lumapas); Imam Mesjid Limau Manis bagi **Kampung Limau Manis, Kuala Lurah, Batang Perhantian, Bukit Belimbing dan Wasan** (di-Mesjid Limau Manis); Imam Mesjid Pengkalan Batu bagi **Kampung Pengkalan Batu, Kampung Parit dan Kampung Batu Ampar** (di-Mesjid Pengkalan Batu); Imam Mesjid Masin bagi **Kampung Masin, Kampung Babatek dan Kampung Burong Lepas** (di-Mesjid Masin).

Imam Mesjid Panchor Murai bagi **Kampung Panchor Murai, Kampung Batong dan Kampung Imang** (di-Mesjid Panchor Murai); (i) Lt. Pg. Jaludin bin Pg. Mustafa (Anggota Askar Melayu Diraja) (ii) Che'gu Ali bin Hj. Hussein bagi **Askar Melayu Diraja** (di-Surau Berakas Kem); Imam Mesjid Jame' Sengkurong bagi **Sengkurong "A", Sengkurong "B", Pasai, Saayon, Tagap, Sungai Tampoi, Muaut, Tanjong Nangka, Kati Mahar, Kulapis dan Lugu** (di-Mesjid Jame' Sengkurong); Imam Mesjid Kilanas bagi **Kampung Kilanas, Jangsak dan Kampung Tanjong Bunut** (di-Mesjid Kilanas); Pg. Haji Abbas bin Pg. Haji Besar (Kaki Tangan Kerajaan) bagi **Kampung Tasek Meradun** (di-rumah Amil); Imam Mesjid Bunut bagi **Kampung Bunut** (di-Mesjid Bunut); Pehin Kht. Haji Said bin Tengah (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Kampung Telanai dan Kampung Madewa** (di-rumah Amil); Haji Chuchu bin Hj. Nayan (Ketua Kampung) bagi **Kampung Bengkurong dan Kampung Sinarubai** (di-rumah Amil); Haji Kamis bin Metali (Ketua Kampung) bagi **Kampung Junjangan** (di-rumah Amil).

Pehin Tuan Imam Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pehin O.K. Perdana Wangsa Hj. Mohammad (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Jalan Benda-hara II, Jalan Lintang, Jalan Tengah Jalan Sekolah, Kampung Pusu Urak, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Ong Sum Ping, Jalan Si-Nuai, dan Jalan2 Berakas hingga Istana Edinburgh**, (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin); Pehin Si-Raja Khatib Awang Hj. Abd. Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Mohd. Ja'afar (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Jalan Residency, Kampung Kianggeh, Kampung Berangan, Jalan Tasek Lama (Sa-belah Kanan), J.K.R. Work Shop, Jalan Dato' Marsal dan Kampung Mahobai** (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin); Pehin Udana Khatib Awang Hj. Tamin bin Abd. Hamid (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Kampung Sumbiling Lama, Jalan2 Tutong dari batu 1 hingga Batu 3 dan Jalan Tumasek** (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin); Pg. Puteh bin Pg. Ahmad (Ketua Kampung) bagi **Kampung Sumbiling Baru** (di-rumah Amil); Mudim Awg. Mohd. Yusof bin Abd. Latif atau: Mudim Awg. Siraj bin Abdullah (Kedua2-nya Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Kedai2, Kawasan Pulis Diraja Bandar Seri Begawan dan Jalan Stoney (Sebelah Kanan)** (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin); Haji Umar bin Duah (Ketua Kampung) bagi **Kampung Sultan Lama** (di-rumah

Amil); Bgn. Mudim Hj. Bakar bin Mohd. Salleh (Ketua Kampung) bagi **Kampung Kiulap** (di-rumah Amil).

Pehin Khatib Awg. Haji Abd. Hamid bin Metassan (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Bukit Saat, Hujung Bukit dan Limbongan** (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin); Hj. Mohd. Salleh bin P. Penyurat Mat Serudin (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Sungai Kedayan "A" dan Sungai Kedayan "B"** (di-rumah Amil); Awg. Abu Bakar bin Pehin O.K. Seri Wangsa Hj. Abd. Hamid (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Hujung Tanjong dan Kuala Pemnyak** (di-rumah Amil); Pengiran Ibrahim bin Pengiran Ahmad (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Pengiran Pemancha Lama** (di-rumah Amil); Pg. Anak Metassan bin Pg. Anak Sabtu Kamaludin (Ketua Kampung) bagi **Pengiran Benda-hara Lama** (di-rumah Amil); Pg. Zainal bin Pg. Mat Yassin (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Pengiran Kerma Indera Lama dan Pengiran Tajuddin Hitam** (di-rumah Amil); Pengarah Hj. Metussin bin Abdullah (Ketua Kampung) bagi **Tamoi Tengah dan Tamoi Hujung** (di-rumah Amil); Awg. Sharbini bin Bgn. P. Kht. Hj. Maksin (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Kampung Burong Pinggai Ayer dan Kampung Lurong Dalam** (di-rumah Amil); Awg. Mahmud bin Pengarah Di-Gadong Hj. Abu Bakar (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Sungai Pandan "A" dan Sungai Pandan "B"** (di-rumah Amil); Awg. Ismail bin Ja'afar (Ketua Kampung) bagi **Pandai Besi "A" dan Pandai Besi "B"** (di-rumah Amil); Pg. Damit bin Pg. Ahmad (Ketua Kampung) bagi **Setia Negara dan Pekan Lama** (di-rumah Amil); Pg. Dato Paduka Haji Buntar bin Pg. Mat Ja'afar bagi **Pengiran Si-Raja Muda "A", Pengiran Si-Raja Muda "B" dan Bakut Berumpit** (di-rumah Amil); Haji Ibrahim bin Pehin Khatib Mohammad (Kaki Tangan Kerajaan) bagi **Lurong Sikuna** (di-rumah Amil); Pengarah Hj. Abdullah bin Pengarah Perseh (Ketua Kampung) bagi **Saba Laut** (di-rumah Amil).

Che'gu Awg. Bungsu bin Pudir (Guru Uga) bagi **Saba Tengah dan Saba Hujung** (di-rumah Amil); Haji Ahmad bin Pateh Haji Tengah (Ketua Kampung) bagi **Saba Darat "A"** (di-rumah Amil); Haji Mohd. Zain bin Takong (Ketua Kampung) bagi **Saba Darat "B"** (di-rumah Amil); Awang Damit bin Merali (Ketua Kampung) bagi **Pekilong Muara** (di-rumah Amil); Haji Abd. Rahman bin Abdullah (Ketua Kampung) bagi **Setia Pahlawan Lama** (di-rumah Amil); (i) Awang Ahmad bin Hj. Metassan (Kaki Tangan JHE Uga) (ii) Chegu Hamidon bin Pehin Si-Raja Khatib Hj. Abd. Hamid (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Peramu** (di-rumah Amil); Haji Ludin bin Gapar (Ketua Kampung) bagi **Sungai Kebun** (di-rumah Amil); Pateh Haji Masri bin Ismail (Ketua Kampung) bagi **Kampung Setia Baru (Rangau) dan Kampung Tarap Bau** (di-rumah Amil).

KAWASAN PENDALAMAN DAN BANDAR BAGI DAERAH BELAIT.

(i) Imam Mesjid Mohd. Jamalul 'Alam. (ii) Awg. Johari bin Haji Omarali. (Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Jalan Mckeron, Jalan Nakhoda Ragam (Barat) Ja-**

ZAKAT

lan Tepi, Jalan Bunga Raya Jalan Laksamana dan Jalan Penglima (di-Mesjid Mohammad Jamalul 'Alam); (i) Awg. Morni bin Sanai. (ii) Awg. Sawas bin Jebat (Kedua2-nya Kaki Tangan JHE Uga) bagi **Jalan Belait/Seria, Jalan Nakhoda Ragam (Timor), Jalan Pemancha, Jalan Menteri, Jalan Bendahari dan Jalan Penglima (Timor)** (di-Mesjid Mohammad Jamalul 'Alam); (i) Pg. Hiddup bin Pg. Tengah (Kaki Tangan Pejabat Talikom). (ii) Che'gu Yahya bin Tasripin (Guru Uga) bagi **Lurong 5 hingga Round About** (di-Kelab Melayu Seria); Imam Mesjid Pekan Seria dan Bilal Mesjid Pekan Seria bagi **Lurong 4 hingga Lapangan Terbang Anduki** (di-Mesjid Pekan Seria); Imam Mesjid Sungai Liang bagi **Mukim Mesjid Sungai Liang** (di-Mesjid Sungai Liang); Imam Mesjid Bukit Sawat bagi **Mukim Mesjid Bukit Sawat** (di-Mesjid Bukit Sawat); Imam Mesjid Labi bagi **Mukim Mesjid Labi** (di-Mesjid Labi); Imam Mesjid Kuala Balai bagi **Mukim Mesjid Kuala Balai** (di-Mesjid Kuala Balai).

KAWASAN PENDALAMAN DAN BANDAR BAGI DAERAH TUTONG.

Imam Mesjid Hassanah Bolkiah bagi **Mukim Mesjid Hassanah Bolkiah** (di-Mesjid Hassanah Bolkiah); Imam Mesjid Penanjong bagi **Mukim Mesjid Penanjong** (di-Mesjid Penanjong); Imam Mesjid Keriam bagi **Mukim Mesjid Keriam** (di-Mesjid Keriam); Imam Mesjid Senaut bagi **Mukim Mesjid Senaut** (di-Mesjid Senaut); Imam Mesjid Kupang bagi **Mukim Mesjid Kupang** (di-Mesjid Kupang); Imam Mesjid Kiudang bagi **Mukim Mesjid Kiudang** (di-Mesjid Kiudang); Imam Mesjid Birau bagi **Mukim Mesjid Birau** (di-Mesjid Birau); Imam Mesjid Lamunin bagi **Mukim Mesjid Lamunin** (di-Mesjid Lamunin); Imam Mesjid Layong bagi **Mukim Mesjid Layong** (di-Mesjid Layong); Imam Mesjid Tanjong Maya bagi **Mukim Mesjid Tanjong Maya** (di-Mesjid Tanjong Maya); Imam Mesjid Tumpuan Telisai bagi **Mukim Mesjid Tumpuan Telisai** (di-Mesjid Tumpuan Telisai); Imam Mesjid Danau bagi **Mukim Mesjid Danau** (di-Mesjid Danau); Imam Mesjid Penapar bagi **Mukim Mesjid Penapar** (di-Mesjid Penapar); Che'gu Abd. Rahman bin Piah (Guru Uga) bagi **Kampung Menengah dan Bukit Sulang** (di-rumah Amil).

KAWASAN PENDALAMAN DAN BANDAR BAGI DAERAH TEMBURONG.

Imam Mesjid Utama Mohd. Salleh bagi **Pekan Bangar, Kampung Seri Belayang, Kampung Puni, Kampung Batang Tuaw dan Kampung Hujung Jalan** (di-Mesjid Utama Mohd. Salleh); Pg. Hj. Abd. Rahman bin Pg. Sulaiman (Bilal Mesjid Utama Md. Salleh) bagi **Kampung Menengah, Kampung Parit Temburong, Kampung Kastam Lama, Kampung Lagau, Kampung Buang Bulan, Kampung Sungai Tanam "A" & "B" dan Kampung Tanit** (di-rumah Amil); Imam Mesjid Selangan bagi **Kampung Selangan, Kampung Belaban, Kampung Belaban Baru, Kampung Belingos dan Kampung Sipulu** (di-Mesjid Selangan); Imam Mesjid Batu Apoi bagi **Kawasan Batu Apoi** (di-Mesjid Batu Apoi); Imam Mesjid Bukok bagi **Kawasan Bukok** (di-Mesjid Bukok); Imam Mesjid Labu Estate bagi **Kawasan Labu Estate** (di-Mesjid Labu Estate).

KENYATAAN KENYATAAN DAN JAWATAN2 KOSONG

SURAT KUASA PESAKA

No. 37/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ahmad bin Tamit, d/a Kampong Panchor Dulit, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Mariam bte. Tamit yang telah meninggal dunia di-dalam Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 19 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 38/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Gadong bin Randai, d/a Kampong Bukit, Ulu Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Agal bin Galih @ Agar bin Galis yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah chuchu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 19 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 39/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Noor bin Hj. Burut, d/a Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Burut bin Momin @ Burot yang telah meninggal dunia di-dalam Mina Mekah dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 19 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 40/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kong Sit bin Yasau, d/a Balai Polis Diraja, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Loo Kuang Chaw @ Yasau yang telah meninggal dunia di-dalam Seria dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 19 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 10.00 pagi

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Oktober, 1972.

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada orang2 Melayu, dan lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut serta sekurang2-nya Daiah VI Melayu. Chalun2 mesti-lah boleh membacah dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaii permulaan bergantung kapaa kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BILAL:

1 jawatan bagi Mesjid Kasat, Brunei.

1. jawatan bagi Mesjid Telisai, Tutong.

1 jawatan bagi Mesjid Keriam, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan Mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacah Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.2 — \$220x10-390-410x10-430.

Permohonan mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 26hb. Oktober, 1972.

raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-perjawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baru yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 13hb. November, 1972.

Tawaran barang2 mentah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan 1973

PEMBORONG2 ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untuk membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Maktab yang tersebut di-atas.

2. Segala tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-alamat Pejabat Kewangan, Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan di-sampul tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA — SERI BEGAWAN 1973".

3. Wang chengkeram sa-banyak \$50.00 (Lima puluh ringgit sahaja) hendak-lah di-berikan kepada Pegawai Kewangan Negara, Brunei bagi jaminan tawaran tersebut.

4. Semua tawaran2 hendak-lah di-hantar dan sampai kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran tidak lewat dari 18hb. Nobember, 1972 hari Sabtu jam 4.00 petang dan jika ada sa-barang tawaran di-terima lewat, dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran mengenai perkara tersebut boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Maktab tersebut di-alamat Batu 1½, Jalan Tutong pada bila2 masa waktu Maktab itu di-buka. Pemborong yang berjaya akan menjalankan perkhidmatan ini mulai awal bulan Januari, 1973.

6. Kerajaan tidak akan terikat menerima sa-barang tawaran yang lebeh murah atau saumpama-nya.

(HAJI ABDULLAH METASSAN)

b.p. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



Kejohanan Chator Kebangsaan

(Dari muka 1)

yang d-hadiahkan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Awang Haji Mohammad Noor.

Tempat kedua di-menangi oleh Awang Shari dan pemenang ketiga ia-lah Awang Zainal bin Haji Abdul Latif.

Dayang Lim Guat Goo telah memenangi gelaran kejohanan kebangsaan bahagian wanita bagi tiga tahun berturut2 dan menerima piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Awang Haji Ibrahim bin Pehin Perdana Wangsa Awang Haji Mohammad.

Sementara dalam bahagian berpasokan pula, Jabatan Kerja Raya telah memenangi piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam perlawanan tersebut.

Pembayaran penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak \$125,187.50 telah di-bayar untuk perkhidmatan kebajikan penchen2 negara, Brunei bagi bulan September yang lalu.

Menurut penyata pembayaran bulanan yang di-keluarkan oleh Timbalan Pegawai Penchen2 Brunei menunjukkan bahawa sa-banyak \$120,037.50 telah di-bayar kepada penerima2 penchen umur tua; \$4,575.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggungan-nya dan \$585.00 di-bayar bagi alaan orang2 tanggungan penyakit kusta dan gila.

Berikut ia-lah penyata kasar yang menunjukkan pembayaran perkhidmatan kebajikan penchen2 negara, Brunei bagi bulan September yang lalu.

PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 66,487.50
Daerah Belait	21,925.00
Daerah Tutong	25,100.00
Daerah Temburong	6,525.00

Jumlah: 120,037.50

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGUGAN-NYA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 3,112.50
Daerah Belait	687.50
Daerah Tutong	550.00
Daerah Temburong	225.00

Jumlah: 4,575.00

ALAON ORANG2 TANGGUGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 325.00
Daerah Belait	197.50
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—

Jumlah: 585.00



Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Pg. Haji Damit menyampaikan piala kejohanan kepada Dayang Lim Guat Goo.

Chenderamata2 untok penderma darah

BANDAR SERI BEGAWAN. Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah mengumumkan bahawa satu majlis penyampaian lenchana2 dan pingat2 kepada penderma2 darah di-seluruh negeri akan di-adakan awal tahun depan.

Tempat dan tarikh penyampaian lenchana2 dan pingat2 itu akan di-umumkan kemudian.

Setia usaha Jabatan itu, Awang Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah menyatakan bahawa semua penderma2 darah termasuk mereka yang telah pernah menerima lenchana dan pingat sejak tahun 1968, ada-lah di-kehendaki supaya mendaftarkan nama2 mereka dengan sa-beberapa segera dan tidak lewat dari 30hb. November, 1972.

Awang Chuchu berkata, penderma2 di-Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong ada-lah di-kehendaki mendaftarkan nama2 mereka ka-Penyelia Makmal, Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan dan penderma2 di-Daerah

Belait hendak-lah mendaftarkan nama mereka dengan Pegawai Perubatan Daerah itu atau Makmal, Rumah Sakit, Kuala Belait.

Mereka hendak-lah memberikan butir2 termasuk nama2 penoh dan alamat, kad2 derma dan nombor kad pengenalan mereka, banyak kali menderma dan jenis2 hadiah yang telah di-terima jika ada.

Awang Chuchu berkata penderma2 darah yang terdiri dari penuntut2 dan anggota2 pasokan keselamatan termasuk tentera British hendak-lah mendaftarkan nama2 mereka kepada ketua chawangan atau jabatan2 masing2.

Chenderamata2 itu akan di-berikan kepada penderma2 sa-perti berikut:

Penderma2 yang menderma sa-banyak 20 kali ka-atas akan di-hadiahkan Perisai; 12 kali ka-atas di-hadiahkan pingat emas; 6 kali ka-atas di-hadiahkan pingat perak dan orang2 yang menderma sa-banyak 5 kali akan di-hadiahkan lenchana penderma darah.

Undang Peranchangan Bandar

(Dari muka 1)

lam chara yang bersih, kemas dan keadaan yang dapat di-terima; dan, memberikan juga kuasa untok mengawal lorong2 dan jalan2 yang masuk ka-jalan raya umum.

Ini ada-lah sa-tengah2 daripada objektif kawalan undang2 baru itu dan sa-bagai yang di-duga terdapat fasal2 bagi menghukum orang2 yang di-dapati salah kerana melanggar undang2 dan peraturan2 itu.

Selanjut-nya, Pegawai Peranchang Bandar dan Negara menyatakan bahawa undang2 itu ada juga memberikan hak kepada orang2 yang tidak puas hati dengan keputusan2 dari

pehak2 yang berkuasa yang di-lantek oleh Kerajaan bagi melaksanakan undang2 ini, untok merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Sa-lain dari mengawal kemajuan tanah, undang2 baru itu juga mengadakan persediaan bagi Skem dan Peraturan Ranchangan Kemajuan bagi kawasan2 yang di-pileh di-negeri ini dengan tujuan untok mencapai kemajuan yang chepat, teratur, harmoni, menyenangkan, berko-ordinasi serta sehat berdasarkan kapada kegunaan tanah yang sempurna dan sosio-ekonomik.

Pegawai Peranchang Bandar

Penuntut2 sek. private akan di-terima ka-Sekolah Inggeris K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penuntut2 dari sekolah2 private di-seluruh negeri ini ada-lah di-pelawa membuat permohonan untok masuk ka-sekolah2 Inggeris Kerajaan mulai tahun hadapan.

Satu kenyataan Jabatan Pelajaran menyatakan bahawa hanya penuntut2 dari Primary VI hingga ka-Tingkatan VI sahaja akan di-terima masuk ka-sekolah Inggeris Kerajaan itu.

Kenyataan itu menyatakan, penuntut2 dari Primary VI yang memohon ka-Tingkatan I boleh-lah membuat permohonan mereka sa-baik2 sahaja di-ketahui keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (Primary Certificate of Education) dan permohonan2 itu akan di-tutup sa-lepas dua minggu daripada tarikh peperiksaan di-umumkan.

Pemohon2 ka-Tingkatan II, III dan V hendak-lah membuat permohonan mereka sa-telah keputusan peperiksaan sekolah Tingkatan I, II dan IV di-ketahui dan permohonan2 itu akan di-tutup pada 30hb. November, 1972.

Bagi pemohon2 ka-Tingkatan IV boleh-lah membuat permohonan sa-telah keputusan L.C.E. di-dapati dan permohonan itu di-tutup sa-lepas dua minggu daripada tarikh keputusan L.C.E. di-umumkan.

Permohonan2 ka-Tingkatan VI bawah, boleh di-buat sa-baik2 sahaja di-ketahui keputusan peperiksaan M.C.E. 1972. Bagi penuntut2 bukan Melayu, mereka mesti-lah lulus Bahasa Melayu dan permohonan di-tutup sa-lepas dua minggu daripada tarikh keputusan peperiksaan di-umumkan.

Semua permohonan2 hendak-lah di-buat dengan menggunakan borang yang boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran dan di-sekolah2 Inggeris Pusat.

Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-sampaikan kepada Setia Usaha Jawatan-kuasa Dermasiswa, Jabatan Pelajaran Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.

dan Negara itu menyatakan bahawa undang2 itu pada satu ketika nanti akan mengenai kebanyakan tuan2 punya tanah dan orang2 yang memajukan tanah di-negeri ini kerana ia-nya akan mengenakan beberapa sekatan dan tanggungjawab ka-atas mereka.

Tetapi semua ini, kata-nya, ada-lah perlu bagi mencapai faedah bagi masyarakat umum dan juga orang2 perseorangan dalam masyarakat itu.

Pegawai Peranchang Bandar dan Negara itu berharap supaya penduduk Brunei akan bekerjasama dengan pehak yang berkuasa supaya ia-nya berjalan dengan lancar dan chekap apabila undang2 dan peraturan2 itu berjalan kuat-kuasa-nya nanti.